



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PERKEMBANGAN SEMASA VARIAN BAHARU OMICRON (B.1.1.529)
DAN LANGKAH-LANGKAH KAWALAN SERTA PENCEGAHAN DI
MALAYSIA**

Sehingga 30 November 2021, sebanyak **20** buah negara (18 daripadanya melaporkan kes import) sudah melaporkan pengesanan VOC Omicron dan sebanyak **203** daripada **215** kes **VOC Omicron** telah dilaporkan di dalam laman web *Global Initiative on Sharing All Influenza Data (GISAID)*. Pecahan bilangan kes tersebut mengikut setiap negara adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Senarai Negara yang Melaporkan Pengesanan COVID-19
VOC Omicron (sama ada berlaku penularan VOC Omicron dalam
negara atau kes import)**

NEGARA	BIL KES OMICRON	NEGARA	BIL KES OMICRON
Afrika Selatan	128	Spain	1
Botswana	19	Perancis/Reunion Island	1
Netherland	12	Israel	4
Portugal	13	Austria	4
United Kingdom	9	Belgium	1
Australia	6	Republik Czech	1
Hong Kong SAR China	5	Germany	5
Italy	4	Sweden	1
Brazil	2	Japan	2
Canada	2		
Denmark*	2		

*Nota: Kes di Denmark belum dimasukkan ke dalam GISAID

Berdasarkan maklumat yang diperolehi setakat ini:

- **Varian ini disyaki telah berkembang** semasa jangkitan kronik dalam individu yang mempunyai sistem imun yang rendah (*immunocompromised*).
- Varian ini mempunyai banyak mutasi, termasuk 26 hingga 32 mutasi di spike protein.
- Varian ini juga mempunyai 10 mutasi di protein yang melekat kepada ACE2 receptor – yang membolehkan virus masuk ke dalam sel badan.
- Sebagai perbandingan, varian Beta mempunyai 3 mutasi dan varian Delta mempunyai 2 mutasi.
- **Varian ini telah menular pada kadar yang lebih pantas** daripada varian lain. Ini menunjukkan kemungkinan besar ianya lebih mudah merebak.
- Bukti awal menunjukkan varian ini juga berkemungkinan menyebabkan risiko lebih tinggi untuk jangkitan semula (*re-infection*) berbanding VOC lain.

CIRI-CIRI VOC SELAIN OMICRON	OMICRON
Lebih mudah dan lebih pantas merebak	Ya
Menyebabkan gejala dan komplikasi penyakit yang lebih teruk (peningkatan kemasukan ke hospital dan ICU)	Belum diketahui dan masih dalam kajian
Lebih sukar dikesan melalui ujian makmal sedia ada	Tidak
Mengurangkan keberkesanan vaksin COVID-19 sedia ada	Belum diketahui dan masih dalam kajian

Sehubungan itu, KKM telah membentangkan cadangan langkah-langkah kawalan serta pencegahan VOC Omicron kepada Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 pada 30 November 2021 dan berikut adalah cadangan-cadangan yang dipersetujui:

1. SEKATAN PERJALANAN SEMENTARA

- a. **Sekatan penerbangan terus atau transit dari negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron seperti yang disenaraikan.**
 - i. KKM pada 26 November 2021 telah menyenaraikan negara berikut: Afrika Selatan, Botswana, Eswatini, Lesotho, Mozambique, Namibia, Zimbabwe.
 - ii. Pada 1 Disember 2021, negara Malawi tersenarai menjadikan jumlah negara terkini dalam senarai sekatan perjalanan adalah sebanyak 8 buah; iaitu
 - Afrika Selatan,
 - Botswana,
 - Eswatini,
 - Lesotho,
 - Mozambique,
 - Namibia,
 - Zimbabwe, dan
 - Malawi.
- b. **Sekatan perjalanan sementara untuk pengembara bukan warganegara Malaysia** dari negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron yang disenaraikan atau pengembara yang mempunyai sejarah perjalanan ke negara-negara tersebut dalam tempoh 14 hari sebelum ketibaan.
- c. **Tiada sekatan kemasukan bagi warganegara Malaysia dan pemegang pas lawatan jangka-panjang (*PR status, spouse visa, MM2H, pas resident*).**
 - i. Mereka perlu jalani kuarantin wajib selama 14 hari di stesen kuarantin tanpa mengira status vaksinasi.

- ii. Mereka perlu lakukan ujian pengesanan COVID-19 (RT-PCR) 72 jam sebelum berlepas, semasa ketibaan di pintu masuk antarabangsa negara (PMA) dan pada hari ke-10 tempoh kuarantin wajib.
 - iii. Penilaian risiko pada hari ke-14 tempoh kuarantin wajib dan akan dilanjutkan tempoh kuarantin sekiranya bergejala.
- d. **Pengembara Warganegara Malaysia yang merancang melawat ke negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron seperti yang disenaraikan, adalah tidak dibenarkan untuk meneruskan perjalanan mereka.**
- e. **Menangguhkan perancangan untuk mewujudkan *Vaccinated Travel Lane (VTL)* dengan negara yang dikenal pasti melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron seperti yang disenaraikan. Penangguhan ini adalah sehingga gambaran lebih jelas diperolehi mengenai penularan varian Omicron di peringkat global.**
 - i. **VTL Udara Malaysia-Singapura:** Pengembara yang menyertai VTL Udara digalakkan untuk melakukan ujian pengesanan COVID-19 sendiri pada hari ke 3 dan ke 7 selepas ketibaan.

2. **MEMANTAU DAN MENGEMASKINI SENARAI NEGARA YANG MELAPORKAN KES VOC OMICRON**

- a. KKM menyediakan senarai negara yang melaporkan kes penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron berlaku jangkitan VOC Omicron secara harian untuk diedarkan kepada KLN, MOTAC, MOT dan JIM melalui MKN.

3. PENGUKUHAN KAWALAN PINTU MASUK ANTARABANGSA

- a. Penggunaan sistem “**autogate**” Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) **diberhentikan sementara**. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.
- b. Penerbangan yang membawa penumpang dari negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron yang disenaraikan, hanya dibenarkan masuk ke Malaysia melalui KLIA sahaja. Pihak MAHB perlu menyediakan “*Gate*” Khas bagi penerbangan tersebut.
- c. Syarikat penerbangan bertanggungjawab mengenal pasti pengembara dari negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron yang disenaraikan yang menaiki penerbangan mereka.
 - i. Maklumat pengembara tersebut mestilah dikemukakan kepada Pejabat Kesihatan KLIA untuk memudahkan pengendalian ketibaan pengembara negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron.
- d. Menyediakan **laluhan khas kepada pengembara** yang telah dikenal pasti tiba dari negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron yang disenaraikan, untuk proses saringan kesihatan dan penyelarasan stesen kuarantin khas yang telah ditentukan oleh pihak NADMA.

4. PELAJAR ANTARABANGSA DAN PEKERJA ASING

- a. Menangguhkan sementara kemasukan pelajar antarabangsa dan pekerja asing dari negara terlibat.

5. PROGRAM GELEMBUNG PELANCONGAN ANTARABANGSA LANGKAWI

- a. Pelancong dari negara yang melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron seperti yang disenaraikan, ATAU yang mempunyai sejarah perjalanan ke negara-negara tersebut dalam tempoh 14 hari, tidak dibenarkan menyertai program ini.
- b. Warganegara Malaysia (penduduk Langkawi) yang pulang dari negara melaporkan penularan VOC Omicron atau negara yang berisiko tinggi berlaku penularan VOC Omicron yang disenaraikan, dibenarkan memasuki Malaysia melalui pintu masuk KLIA dan perlu menjalani kuarantin wajib 14 hari di stesen kuarantin khas.
- c. Pelancong asing yang disahkan positif COVID-19 VOC Omicron akan diisolasi di hospital swasta dan perlu menanggung sendiri kos rawatan.

KUKUHKAN DAN AMALKAN TINDAKAN KESIHATAN AWAM KENDIRI

Saya ingin mengingatkan seluruh Keluarga Malaysia bahawa kita masih belum menang dalam peperangan melawan COVID-19. Kealpaan kita dalam mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal, mengelakkan tempat-tempat yang sesak dan mengasingkan diri apabila bergejala, hanya akan memberi peluang untuk virus ini bermutasi dan menjadi lebih mudah dijangkiti.

Kita pernah berjaya menurunkan bilangan kes positif harian COVID-19, bilangan kes kematian akibat COVID-19 dan mengurangkan kemasukan pesakit COVID-19 ke ICU. Dan antara penyumbang kepada kejayaan ini adalah kadar liputan vaksinasi lengkap bagi populasi dewasa di dalam negara yang tinggi.

Pada waktu itu, kita sangat bimbang dengan kehadiran varian Delta dan majoriti penduduk ingin mendapatkan vaksin COVID-19. Tetapi apabila liputan vaksinasi lengkap dalam negara mencapai lebih 90 peratus, ramai antara kita mula merasa selesa dan mengabaikan SOP-SOP yang saya nyatakan tadi.

Keselesaian itu telah menyebabkan ramai yang tidak mahu menerima dos penggalak apabila telah layak dan seolah-olah tidak menghiraukan VOC Omicron yang telah dikesan di 18 buah negara. KKM telah berulang kali menyatakan bahawa keberkesanan vaksin merosot dalam tempoh 3-6 bulan selepas menerima vaksinasi lengkap.

Kita mungkin jadi **mangsa kepada kejayaan kita sendiri** akibat daripada kealpaan kita. Ada yang mengatakan tidak perlu dos penggalak kerana bilangan kes telah turun, hospital tidak lagi sesak dan kematian juga telah menurun.

Saya ingin tegaskan sekali lagi, jangan ambil mudah perkara ini. Sekiranya anda telah layak untuk menerima dos penggalak dan telah diberikan janji temu, sila penuhi janji temu tersebut dan ambillah dos penggalak. Dengan kewujudan VOC Omicron, KKM sangat menggalakkan pengambilan dos penggalak.

Warga emas dan individu dengan komobiditi disarankan untuk tidak membuat perjalanan ke luar negara dan mengelakkan dari menghadiri kawasan awam yang sesak.

KHAIRY JAMALUDDIN
Menteri Kesihatan

1 Disember 2021